

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	1 MAY 2015

'Saya tidak peduli pun mengenai anak saya ketika menjadi PM'

Utm - 1/5/2015

PULAU PINANG 30 April - Tun Dr. Mahathir Mohamad menolak dakwaan yang beliau pernah campur tangan dalam sebarang urusan melibatkan anak-anaknya sepanjang menjadi Perdana Menteri.

Malah, bekas Perdana Menteri itu berkata, sepanjang 22 tahun memerintah negara, beliau tidak membenarkan anak-anaknya menyertai politik atau menjalankan urusan pemiagaan yang melibatkan kerajaan.

"Saya tidak pernah peduli pun mengenai anak-anak saya. Jika saya mahu menolong mere-

ka, saya boleh buat begitu ketika menjadi Perdana Menteri dulu.

"(Tetapi saya tidak tolong).» sebab itu anak-anak saya tidak boleh naik," katanya kepada pemberita selepas sesi Bicara Bersama Negarawan di Universiti Sains Malaysia (USM) di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika diajukan soalan sama ada kritikan beliau terhadap kerajaan ketika ini disebabkan terdapat gangguan daripada kerajaan terhadap perniagaan melibatkan kepentingan anak-anaknya.